

TARIKH : 20 MEI 2025
AKHBAR : Berita Harian
MUKA SURAT : 21

20/05/2025 : Berita Harian (ms 21) Pangkalan data penjaja dijangka siap hujung tahun

Pangkalan data penjaja dijangka siap hujung tahun

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menyasarkan untuk membangunkan serta menyiapkan pangkalan data atau papan pemuka (*dashboard*) melibatkan penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara menjelang akhir tahun ini.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata inisiatif itu dimulakan menerusi kerjasama strategik bersama Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Putrajaya (PENJAYA) menerusi pelancaran Dashboard PENJAYA, yang akan menjadi model rintis kepada pelaksanaan berskala nasional.

"Pembangunan *dashboard* ini melambangkan kerjasama erat antara agensi kerajaan dan komuniti, selain menunjukkan bagaimana data boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat, memperkukuh sektor mikro serta menyokong dasar yang lebih inklusif.

"Data yang dikumpul dan dilanjutkan akan dipersembahkan secara interaktif, sekali gus membolehkan pelbagai pihak termasuk agensi kerajaan, swasta serta badan pembangunan keusahawanan

merangka tindakan lebih tepat dan bersasar," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Majlis Peluncuran Dashboard PENJAYA di Bangi, semalam.

Yang hadir sama, Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia (GPPPKMM), Datuk Zainal Abidin Abdul Majid dan Presiden PENJAYA, Juhaidi Yean Abdullah.

Mengulas lanjut, Dr Mohd Uzir berkata, penjaja dan peniaga kecil bukan sekadar pemain sektor ekonomi mikro, malah merupakan nadi sosial komuniti yang menghidupkan ruang awam, menjana pendapatan isi rumah serta menyatukan pelbagai lapisan masyarakat.

"Namun mereka turut terdedah kepada risiko tinggi seperti kekurangan modal, kos operasi yang meningkat dan persaingan tempatan.

"Melalui dashboard ini, kami dapat setakat 2024, terdapat 1,062 penjaja dan peniaga kecil berdaftar di Putrajaya, membabitkan 560 lelaki dan 502 wanita. Data ini menunjukkan kesimbangan penyertaan gender

“Pembangunan dashboard ini melambangkan kerjasama erat antara agensi kerajaan dan komuniti, selain menunjukkan bagaimana data boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat”

Dr Mohd Uzir Mahidin,
Ketua Perangkawan
Malaysia



dalam sektor keusahawanan, terutama dalam bidang makanan dan minuman serta jualan runcit," katanya.

Tambah beliau, Putrajaya dipilih sebagai projek perintis kerana demografi yang unik - dengan majoriti penduduk terdiri daripada penjawat awam serta struktur komuniti yang terancang - namun masih terdapat kelompok penjaja aktif yang memenuhi keperluan ekonomi pelengkap di pasar malam, acara komuniti dan lokasi tumpuan pelancong.